

## SOALAN NO. 74

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN M. KULASEGARAN  
[IPOH BARAT]**

**SOALAN :**

**YB Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] minta PERDANA MENTERI menyatakan:**

- (a) jumlah terkini pengundi baru dan jumlah pengundi seperti yang didaftarkan dalam setiap kawasan Parlimen di Malaysia; dan**
- (b) berapa banyak yang layak tetapi tidak mendaftar sebagai pengundi dan apa yang telah dilakukan untuk mendapatkan semua untuk mendaftar sebagai pengundi.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pemilih baru yang telah didaftarkan dari 1 Januari hingga 30 Jun 2017 adalah sebanyak 409,564 orang. Manakala jumlah pemilih berdaftar di seluruh negara sehingga 30 Jun 2017 adalah sebanyak 14,622,793 orang.

Selain itu, jumlah warganegara yang berumur 21 tahun dan ke atas yang layak tetapi belum mendaftar sebagai pemilih sehingga 30 Jun 2017 adalah sebanyak 3,797,785 orang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) untuk menarik lebih ramai warganegara yang layak untuk mendaftar sebagai pemilih. Ini termasuklah menyediakan kaunter pendaftaran pemilih dan pameran di pusat membeli-belah, pusat rekreasi, kawasan penempatan penduduk, Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan pusat-pusat latihan yang berkaitan. SPR juga sentiasa terbuka untuk menerima jemputan menyediakan kaunter pendaftaran pemilih dan pameran sekiranya terdapat jemputan bagi penganjuran program-program berkaitan.

Selain itu, individu yang berhasrat untuk mendaftar sebagai pemilih boleh mengunjungi saluran-saluran pendaftaran lain seperti di kaunter pendaftaran pemilih di Ibu Pejabat SPR Putrajaya, Pejabat-Pejabat Pilihan Raya Negeri, Pejabat Daerah dan Tanah, Pejabat Pihak Berkuasa Tempatan dan Pejabat Pos serta kaunter-kaunter bergerak SPR seluruh negara.

SPR turut mengadakan pelbagai aktiviti kesedaran dengan lebih berkesan termasuk menggunakan pelbagai saluran media dan juga melalui program turun padang (*outreach*). SPR juga telah mengadakan pendekatan pendaftaran pemilih secara bergerak (*mobile*) dengan menggunakan kenderaan karavan. Dengan adanya kemudahan tersebut, ia membolehkan SPR menjalankan program turun padang dengan lebih agresif dan seterusnya memberi kemudahan kepada orang awam untuk mendaftar sebagai pemilih.

Sekian, terima kasih.